

Catat kematian ketiga

Institusi latihan, PLKN, kolej dan sekolah diarah tutup semalam

Oleh HISHAM IDRIS
hisham.idris@kosmo.com.my



Wabak selesema babi

KUALA LUMPUR - Penularan pandemik selesema babi (H1N1) di negara ini semalam telah mengorbankan satu lagi nyawa iaitu seorang lelaki warga Malaysia berusia 42 tahun yang menjadikannya mangsa ketiga setakat ini.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata, lelaki itu disahkan menghidap penyakit itu Khamis lalu.

"Lelaki itu yang mengalami pelbagai komplikasi meninggal dunia pada pukul 4.40 petang 27 Julai lalu disebabkan pneumonia yang serius dengan kegagalan beberapa organ setelah 10 hari mendapatkan rawatan," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Tiong Lai yang kecewa dengan perkembangan itu berkata, semua klinik dan hospital di negara ini seharusnya mengambil langkah segera dalam mengesahkan pesakit yang dijangkiti H1N1 bagi membolehkan rawatan segera diberikan.

"Jadi saya ingin menggesa semua klinik dan hospital sentiasa berwaspada, lebih efektif dan mengambil tindakan serta langkah segera dalam mana-mana kes yang disyaki H1N1," tegasnya.

Semua klinik dan hospital sentiasa berwaspada, lebih efektif dan mengambil tindakan serta langkah segera dalam mana-mana kes yang disyaki H1N1

LIOW TIONG LAI

Sebelum ini, seorang pelajar lelaki tahun pertama warga Indonesia berusia 30 tahun dan seorang lelaki tempatan berumur 46 tahun dijangkiti selesema babi meninggal dunia pada 21 dan 26 Julai lalu.

Beliau berkata, 95 kes baru H1N1 termasuk kes kematian telah dilaporkan semalam adalah kes tempatan.

Info Kes selesema babi

MALAYSIA

Semalam

1,219 kes

574 kes import

645 kes tempatan

3 kematian

SELURUH DUNIA

Semalam

163,715 kes

Kelmarin

159,223 kes

Hotline

03-88834414,

03-88824415,

03-88810200

Sumber: Kementerian Kesihatan

Kelmarin

1,124 kes

574 kes import

550 kes tempatan

2 kematian

1,025 kematian

987 kematian



Dengan itu, jumlah terkumpul kes H1N1 sehingga semalam meningkat kepada 1,219 kes dengan tiga kematian dan daripada jumlah kes yang dilaporkan itu, 574 merupakan kes import dan baki 645 kes jangkitan tempatan.

Daripada jumlah itu, 1,198 kes telah sembuh dan hanya 12 kes sedang menerima rawatan antiviral di hospital dan sembilan orang sedang menerima rawatan antiviral di rumah.

Sementara itu, Universiti Putra Malaysia (UPM) mengumumkan cuti pertengahan semester pertama sesi 2009/2010 dua minggu lebih awal berkuat kuasa hari ini hingga 4 Ogos ini.

Naib Canselor UPM, Profesor Dr. Nik Mustapha Abdullah berkata, langkah tersebut diambil dalam usaha menangani penularan wabak berkenaan.

Selaras dengan pengumuman tersebut, semua aktiviti akademik dan aktiviti lain dalam universiti yang dijadualkan dalam tempoh tersebut dibatalkan.

- Institut Latihan Perindustrian Nibong Tebal, Pulau Pinang
- Institut Latihan Jururawat Kementerian Kesihatan Bukit Mertajam, Pulau Pinang
- Pusat Latihan Malaysia Airport Holdings Bhd., Pulau Pinang
- Kem PLKN Syruz, Machang Bubuk, Bukit Mertajam, Pulau Pinang
- Sekolah Menengah Agama Dato' Klana Petra Maamor, Ampangan, Seremban
- Sekolah Menengah Kebangsaan Chung Hua, Miri, Sarawak
- Kolej Profesional Mara, Ayer Molek, Melaka
- Kolej Kejururawatan Melaka Politeknik Merlimau, Melaka
- Sekolah Menengah Kebangsaan Munshi Abdullah, Melaka
- Sekolah Menengah Teknik Bukit Piatu, Melaka